



KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA KERJA
(TARIKH IKLAN: 1 APRIL 2026)

Tawaran adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) di **W.P PUTRAJAYA** sahaja serta masih sah tempohnya dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan kerja berikut :

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENYERTAAN SEBUT HARGA	TARIKH/TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH/MASA/TEMPAT PENGAMBILAN DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA	TARIKH AKHIR/ MASA/TEMPAT PENGHANTARAN DOKUMEN CADANGAN TAWARAN SEBUT HARGA
1.	No. Sebut Harga: KPK SH 01/2026 Tajuk Sebut Harga: KERJA MENAIK TARAF RUANG PAMERAN DI LOBI UTAMA KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI (KPK)	Kontraktor mestilah mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) Kontraktor Kerja, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di bawah Gred Kategori dan Pengkhususan seperti berikut: Gred G1, Kategori B - Bangunan Pengkhususan B04 - Kerja-kerja Pembinaan Bangunan (Tempoh sah sijil-sijil hendaklah tidak kurang 90 hari dari tarikh tutup iklan ini)	Tarikh: 6 April 2026 (Isnin) Masa: 10.00 pagi Tempat: Lobi, Aras G, Kementerian Perlindungan dan Komoditi Lawatan Tapak adalah DIWAJIBKAN. Syarikat DIWAJIBKAN untuk membuat pendaftaran ke sesi lawatan tapak dalam talian melalui pautan atau mengimbas kod QR seperti berikut: https://forms.gle/qXyEqZxPoJ5JggDr8  Tempoh Pendaftaran dibuka: Mulai 1 April 2026, jam 12.00 tengah hari hingga 3 April 2026, jam 5.00 petang.	Tarikh: 6 April 2026 (Isnin) Masa: Selepas selesai lawatan tapak Tempat: Unit Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pembangunan, Aras 6, Kementerian Perlindungan dan Komoditi, Lot 2G4, Presint 2, 62654, W.P Putrajaya	Tarikh: 17 April 2026 (Jumaat) Masa: TIDAK LEWAT DARI jam 12.00 tengah hari Tempat: Peti Sebut Harga, Unit Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pembangunan, Aras 6, Kementerian Perlindungan dan Komoditi, Lot 2G4, Presint 2, 62654, W.P Putrajaya

ARAHAN DAN SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA:

1. Syarikat **DIWAJIBKAN** untuk mendaftarkan kehadiran secara dalam talian bagi proses semakan kelayakan untuk menyertai sebut harga ini. Satu (1) syarikat hanya dibenarkan untuk mengemukakan **satu (1) pendaftaran sahaja**. Pendaftaran hanya akan diterima pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan. **Pendaftaran lewat tidak akan dipertimbangkan** untuk menyertai lawatan tapak.
2. Hanya **PENAMA** yang tercatat dalam **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** sahaja yang **DIBENARKAN** untuk hadir ke sesi lawatan tapak dan perlu membawa bersama **Kad Pengenalan, Sijil Taraf Bumiputera (STB) Kontraktor Kerja, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang asal serta satu (1) salinan**. Kegagalan untuk mengemukakan sijil-sijil berkenaan akan menyebabkan wakil syarikat **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai sesi lawatan tapak.
3. Dokumen Tawaran Sebut Harga adalah diedar secara **PERCUMA**. Hanya penyebut harga yang menghadiri sesi lawatan tapak sahaja **DIBENARKAN** untuk pengambilan Dokumen Tawaran.
4. Dokumen Tawaran Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditulis nombor rujukan sebut harga **KPK SH 01/2026** beserta tajuk sebut harga di sebelah atas sampul berkenaan dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga **TIDAK LEWAT DARI jam 12.00 tengah hari, 17 April 2026 (Jumaat)** di alamat berikut:

Peti Sebut Harga
Unit Kewangan
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pembangunan
Aras 6, Kementerian Perladangan dan Komoditi
Lot 2G4, Presint 2
62654, W.P Putrajaya

5. **Dokumen yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan** dan Kementerian **tidak akan bertanggungjawab** terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui perkhidmatan pos dan kurier.
6. Kementerian ini juga tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berkenaan penyediaan dokumen sebut harga, serta tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran, dan tidak terikat untuk memberikan apa-apa maklum balas ke atas tawaran yang ditolak. Sebarang keputusan yang dibuat adalah muktamad.
7. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Cik Ain Najihah binti Azmi (Perolehan/ 03-88803403/ ainnajihah@kpk.gov.my) atau Encik Muhammad Nazirul Afiq bin Mohd Johari (Spesifikasi/ 03-88878291/ nazirulafiq@kpk.gov.my)

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


.....
(KHAIRUL FITRIAH BINTI RAMLI)
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pembangunan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perladangan dan Komoditi
Tarikh: 31 Mac 2026